

# Roboh tiga bangunan

Kerja pemagaran bermula sebelum bina laluan bawah tanah stesen MRT

>>Oleh Ardyhansah Amat  
ardyhansah@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengambil masa enam bulan untuk kerja meroboh tiga buah bangunan milik kerajaan bagi membolehkan pembinaan laluan bawah tanah stesen MRT Pasar Seni di situ.

Pengarah Perhubungan Pemegang Sahamnya, Haris Fadzil Hassan berkata, sejak April lalu, pihaknya melakukan kerja tanah termasuk penyerahan bangunan kepada kontraktor dan penamatan bekalan utiliti membabitkan bangunan Stesen Bas Klang, Plaza Warisan dan UDA Ocean.

"Hari ini, kontraktor mula memagar kawasan di tiga bangunan itu dan memasang jaring keselamatan sebelum kerja penggalian, meroboh bangunan serta pembersihan dilakukan.

"Sepanjang itu, laluan jalan raya tidak ditutup kepada orang ramai kerana kerja meroboh dilakukan secara berperingkat dan selamat.

"Bagaimanapun, jika memerlukan penutupan jalan, ia dilakukan bermula jam 12 tengah malam sehingga jam 5



**BINCANG...**Haris (kanan) mengatakan sesuatu kepada Pengurus Stesen Pembinaan MMC-Gamuda Alvin Goh.

pagi," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Tambahnya, stesen itu menjadi lokasi integrasi utama memandangkan terdapat kemudahan pengangkutan awam yang lain di situ seperti stesen LRT Pasar Seni dan perhentian bas.

Dijangka 25,000 pengguna bagi satu perjalanan setiap jam menggunakan stesen MRT di sini menjadikannya stesen terbesar dan paling sibuk.

"Isnin depan, kami menemui

pemilik lot kedai berhampiran tapak projek untuk mengetahui sama ada mereka mahu terus berniaga di situ atau berpindah keluar sementara, sepanjang projek dijalankan.

"Setakat ini enam daripada 23 lot kedai bersetuju berpindah dan beroperasi di tapak disediakan," katanya.

Bagi memastikan ia berjalan lancar dan selamat, MRT Corp bekerjasama dengan rakan pelaksana projek bagi MRT, MMC Gamuda KVMRT Sdn

Bhd bagi memantau kerja pembangunan semula itu.

Bagi mengurangkan serpihan bangunan, habuk dan bunyi bising ketika proses pembangunan semula itu, pemaju juga memasang penghadang dinding setinggi 3.6 meter dengan perlindungan berat luaran di sekeliling bangunan.

"Laluan pejalan kaki tambahan berbumbung juga dibina untuk kemudahan dan keselamatan orang ramai," katanya.